

Pemberian 10 undi kepada calon wajar

B.H. 14 SEP 1993

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pemberian 10 undi kepada calon Presiden dan Timbalan Presiden Umno yang mendapat pencalonan bahagian adalah wajar bagi memastikan mereka mendapat faedah daripada setiap pencalonan.

Selain itu, katanya, langkah itu bertujuan 'mengimbangi' kemungkinan berlakunya perubahan sikap perwakilan dengan mengundi calon lain daripada yang ditetapkan di peringkat bahagian.

Menurutnya, undi itu diberikan kerana ada calon yang mendapat pencalonan daripada bahagian Umno, tidak mendapat undi sewajarnya daripada perwakilan bahagian itu ketika perhimpunan agung.

"Saya mempunyai pengalaman pada 1987. Pada perhimpunan agung itu saya mendapat 80 peratus pencalonan tetapi saya menang hanya 43 undi saja.

"Sebab itu kita bagi 10 undi kepada pencalonan itu kerana kita tahu kadang-kadang pencalonan (oleh bahagian) lain dan perwakilan ketika tiba di sini dipengaruhi oleh perkara lain, mungkin disogok dengan wang, menye-

babkan dia mengundi (calon) lain," katanya selepas merasmikan Persidangan Perhutanan Kommanwel ke-14, di sini, hari ini.

Presiden Umno itu berkata demikian ketika mengulas soalan mengenai calon Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang setakat ini mendapat pencalonan terbanyak berbanding Ghafar Baba.

Ditanya sama ada Majlis Tertinggi (MT) Umno akan membincangkan mengenai keputusan pencalonan yang diterima oleh kedua-dua calon jawatan Timbalan Presiden itu, Dr Mahathir berkata:

"Terpulangkah kepada MT. Bukan saya saja yang ada di majlis itu. Kami adalah parti yang demokratik."

Ditanya mengenai dakwaan Ghafar bahawa kelebihan pencalonan Anwar sebagai suatu penipuan kerana penyokong beliau tidak diberi peluang mencalonkan namanya mengekalkan jawatan itu, Dr Mahathir berkata:

"Saya tidak menerima apa-apa maklumat. Kalau benar (dakwaan itu), saya berasa amat sedih. Tetapi

LMAT MUKA 2

Pemberian 10 undi kepada calon wajar

DARI MUKA 1 B.H. 14 SEP 1993

saya tidak dapat maklumat yang jelas mengenai perkara itu. Kalau saya dapat maklumat maka apa juga tindakan yang boleh diambil akan diambil," katanya.

Semalam, Ghafar mendakwa ada sesetengah ketua bahagian dan pengurusan mesyuarat yang sudah dibeli oleh lawannya menyebabkan mereka tidak memberi peluang kepada ahli yang mahu mencalonkan namanya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak boleh membuat penilaian mengenai mana-mana calon yang masing-masing mengemukakan hujah berupaya membantu beliau mencapai matlamat wawasan.

"Saya tidak boleh buat judgement. Semua orang kata dia boleh tolong. Kalau tak boleh tolong, tentu dia tak bertanding. Ini terpulanglah kepada ahli-ahli. Saya neutral," katanya.

Ditanya mengenai mesyuarat perwakilan di beberapa bahagian Umno yang berlangsung dalam keadaan tegang, Dr Ma-

hathir berkata, setakat ini tahapnya tidak serius.

Beliau juga menjelaskan bahawa kenyataannya sebelum ini mengenai pemimpin yang berasa tidak boleh menang dalam pemilihan Umno kali ini berundur ditunjukkan kepada dirinya dan bahagian Umno.

"Saya dah bercakap banyak. Anda salah lapor, saya yang kena marah. Saya bercakap pasal diri saya, yang anda bubuh pasal diri orang kenapa?"

"Kononnya saya kata orang yang fikir dirinya dia nak kalah, dia tak patut bertanding, saya tak kata macam tu. Ini saya bercakap pasal ketua-ketua bahagian. Janganlah banyak sangat yang nak bertanding ketua bahagian. Yang tak nampak ada peluang langsung pun nak bertanding juga," katanya.

"Saya bercakap berkenaan diri saya sendiri. Saya tidak ada niat sampai nyanyuk pun saya nak menang. Jadi sebelum nyanyuk, janganlah kau," katanya.